MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

Kerajaan Perkukuh Pindaan Akta Orang Asli

Hari ini saya mempengerusikan **Mesyuarat Khas Majlis Perundingan Orang Asli (MaPOA)** bersama kepimpinan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, tokoh akademik, serta pertubuhan dan organisasi yang prihatin terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli. Mesyuarat ini adalah suatu langkah penting dalam mempersiapkan asas kukuh bagi pindaan Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] dalam menambahbaik sebuah undang-undang yang tidak pernah melalui sebarang pindaan substantif sejak lebih 70 tahun lalu.

Setakat ini, lebih 1,000 sesi libat urus telah dilaksanakan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk para Batin, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, ahli akademik dan NGO. Sesi libat urus melalui Mesyuarat Khas MaPOA hari ini amat penting sebelum isu tanah Orang Asli dibincangkan di peringkat Majlis Tanah Negara (MTN) yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri nanti.

Antara perkara pokok yang dibincangkan adalah isu tanah dan penempatan Orang Asli. Saya percaya, hak ke atas tanah bukan sekadar soal pemilikan fizikal, tetapi lambang maruah, kesinambungan warisan, dan kunci kepada kemajuan sosioekonomi komuniti ini.

Walaupun pentadbiran tanah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri - kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menjadi tunjang utama bagi memastikan setiap pindaan yang dicadangkan benar-benar mengambil kira kepentingan semua pihak serta selaras dengan dasar dan bidang kuasa negeri.

Kerajaan komited bagi memastikan pindaan ini bukan sahaja memperkukuh perlindungan hak Orang Asli, tetapi juga membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat. Akses kepada pendidikan berkualiti, infrastruktur yang memudahkan kehidupan

seharian, dan peluang ekonomi yang lebih luas adalah matlamat yang akan terus KKDW dan JAKOA perjuangkan.

Pindaan Akta 134 ini adalah peluang untuk kita menulis semula naratif pembangunan Orang Asli agar komuniti ini kekal teguh dan berdaya saing serta mampu melakar kejayaan lebih gemilang pada masa hadapan.

Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

11 Ogos 2025